

6) ISU PEMINDAHAN HAKMILIK RUMAH DI LESTARI PUTRA DAN SAUJANA PUCHONG BELUM SELESAI

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi (Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Isu melibatkan liquidator setelah pemaju dibankrapkan dan pihak liquidator tidak berperanan. Apakah status terkini permasalahan ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pemindahan hak milik rumah di Lestari Putra dan Saujana Puchong timbul ekoran daripada pemaju asal, Lestari Puchong Sdn. Bhd., yang telah diisytiharkan muflis sebelum urusan pindah milik kepada para pembeli diselesaikan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling sedang berunding dengan pihak pelikudasi yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi, iaitu Ler Lum Advisory Services Sdn. Bhd., bagi mencari kaedah penyelesaian yang adil dan menyeluruh memandangkan terdapat lot-lot yang masih mempunyai tunggakan cukai tanah serta isu teknikal lain yang menghalang urusan pindah milik.

Sehingga kini, satu (1) skim strata iaitu Apartment Sri Indah telah pun dibantu oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) bagi tujuan permohonan pengeluaran hak milik strata. Walau bagaimanapun, urusan pindah milik hak milik strata masih belum dapat disempurnakan oleh pihak pemaju, pemilik asal tanah, atau pemegang Power of Attorney (PA).

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap nasib para pembeli yang telah lama menunggu penyempurnaan hak milik ini. Oleh itu, pendekatan penyelesaian sedang dilaksanakan melalui kaedah pentadbiran dan rundingan rasmi bersama pihak pelikudasi, dengan tujuan memastikan para pembeli mendapat hak mereka secara sah tanpa menanggung beban kewangan tambahan. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri menegaskan bahawa sebarang langkah penyelesaian tidak akan melibatkan unsur "bail out" atau penggunaan dana awam untuk menanggung liabiliti pemaju yang muflis.